

CNS7008

U GB 08-05 00159 BA314

bah

MALAYSIA SEDIA ADAKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN ISRAEL JIKA...

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama)-- Israel hendaklah keluar dari wilayah Palestin dan mematuhi semua resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengannya jika hendak mengadakan hubungan diplomatik dengan Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita sedia mengadakan perhubungan diplomatik dengan Israel, dengan syarat Israel patuh kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan meninggalkan wilayah Palestin," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Beliau diminta mengulas laporan dari Canberra semalam yang menyatakan bahawa Israel telah meminta Australia membantunya mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam di Asia.

Ketika ditanyasama ada kerajaan Australia telah menghubungi Malaysia mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Tak ada".

Laporan agensi AFP itu memetik Menteri Luar Australia, Gareth Evans sebagai berkata bahawa Australia sedang melobi negara-negara Asia Tenggara untuk mendapatkan peniktirafan bagi Israel. -- Bernama

AZZ MIB

▼08/05/17-34MST